

PM gesa perbanyak bahan bacaan untuk daulat bahasa Malaysia

KUALA LUMPUR 3 April — Firma-firma besar di negara ini digesa bersama-sama berusaha memperbanyakkan bahan-bahan bacaan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan ke arah mendaulatkan bahasa Malaysia. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, ketika membuat gesaan demikian, yakin, banyak lagi firma swasta yang dapat memberikan sumbangan ke arah memperkayakan bahan-bahan bacaan dan buku-buku dalam bahasa Malaysia.

Katanya, negara masih kekurangan bahan bacaan atau buku-buku dalam bahasa Malaysia mengenai pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti sains dan teknologi, perubatan, ekonomi, kaji bumi dan sebagainya.

Berucap di majlis penyampaian hadiah sastera remaja keempat ESSO-GAPENA di sini malam ini, Perdana Menteri memuji beberapa firma swasta yang telah bergabung dengan badan-badan bahasa atau badan-badan penulis seperti GAPENA untuk menganjurkan pertandingan sastera seperti penulisan novel, cerpen dan puisi.

"Walaupun bahan-bahan bacaan dalam bahasa Malaysia dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan semakin hari semakin bertambah tetapi masih banyak lagi yang boleh kita usahakan supaya kita dapat menimba kesemua sumber pengetahuan dan pelajaran dalam bidang-bidang itu melalui bahasa Malaysia," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, rangka

kerjasama firma-firma dan pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan mungkin dapat diperluaskan kepada bidang buku-buku ilmu pengetahuan.

Katanya, firma-firma yang terlibat dalam pengeluaran dan pemasaran sesuatu barangan mungkin dapat menaja penulisan dan penterjemahan buku-buku ilmu pengetahuan dalam bahasa Malaysia yang berkaitan dengan barangan keluaran mereka.

Beliau memberi contoh, firma yang mengeluarkan barangan makanan mungkin dapat menaja penulisan yang mendalam yang berkaitan dengan bidang pemakanan khususnya mengenai perkara-perkara yang terbaru bagi bidang-bidang berkenaan.

Sambil menegaskan bahawa kerajaan tetap akan mendaulatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan walaupun masih terdengar pihak-pihak tertentu mempersoalkannya, beliau percaya bahawa usaha-usaha oleh firma swasta sudah tentu dapat membantu kerajaan ke arah itu.

Katanya, penajaan dalam bentuk kewangan oleh firma-firma swasta akan dapat membantu para penulis untuk menghasilkan karya-karya mereka dan menolong memperkembangkan buku-buku ilmu pengetahuan.

"Dalam hal ini, adalah diharapkan bahawa firma-firma besar di negara ini akan menimbangkan kemungkinan bekerjasama dalam usaha-usaha memperbanyakkan bahan-bahan dan buku-buku pelbagai bidang ilmu

pengetahuan," katanya.

Perdana Menteri menambah, usaha-usaha begitu sudah tentu akan mendaulatkan lagi bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa ilmiah di negara ini serta rantau Asia Tenggara.

"Pada hemat saya, usaha-usaha yang sebegini akan membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar lagi dalam bidang-bidang kebudayaan termasuklah bidang bahasa," katanya.

Katanya, ini merupakan sebahagian daripada sumbangan pihak swasta kepada perkembangan dan kemajuan masyarakat sekeliling yang juga akan memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak dalam mempertingkatkan perkembangan ilmiah.

Beliau berkata, kini semakin terbukti bahawa bahasa Malaysia berjaya menjadi bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di negara ini dan kerajaan berbangga terdapatnya kesedaran di kalangan rakyat tentang pentingnya mendaulatkan satu bahasa kebangsaan walaupun terdapat pertimbangan-pertimbangan wajar bagi bahasa-bahasa lain juga.

"Namun demikian, kita masih lagi mendengar suara-suara daripada pihak-pihak tertentu yang masih mempersoalkan kemampuan bahasa kebangsaan. Mereka ini merupakan kumpulan kecil yang tidak mahu menerima hakikat. Saya ingin menegaskan di sini bahawa bahasa kebangsaan atau bahasa Malaysia akan tetap didaulatkan," tegasnya.